

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN  
ISMAIL  
[PERMATANG PAUH]**

**SOALAN : Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan status terkini Malaysia dalam meraktifasi Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 dan jumlah pelarian dan pemohon suaka mengikut pecahan negara dan umur bagi tempoh 2010-2015.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum isu berkenaan pendirian kerajaan Malaysia terhadap Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 pernah dibangkitkan sebelum ini.

3. Sehingga kini, Malaysia bukan merupakan negara pihak dengan izin, "*state party*" kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, dengan izin, "*Convention in relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967*". Untuk makluman Dewan yang mulia, hanya Kemboja dan Filipina sahaja merupakan negara-negara ASEAN yang merupakan negara pihak kepada Konvensyen berkenaan.

4. Sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, satu kajian yang menyeluruh perlu dilaksanakan dengan teliti oleh Kerajaan Malaysia. Ini kerana keputusan yang bakal dibuat perlu mengambil kira kesesuaian peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Konvensyen berkenaan dengan rangka perundangan negara serta dasar negara yang sedia ada.

5. Dalam mempertimbangkan penyertaan Malaysia ke Konvensyen berkenaan, Kerajaan Malaysia perlu mengkaji dengan mendalam akan

kesan dan implikasi penyertaannya kepada negara. Antara yang utama adalah kajian dari segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial serta aspek beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan. Ingin ditegaskan bahawa menjadi negara ahli kepada mana-mana instrumen antarabangsa datang dengan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi seperti yang diperuntukkan di bawah instrumen antarabangsa berkenaan.

6. Oleh itu, adalah wajar untuk kerajaan Malaysia memastikan bahawa kerajaan telah benar-benar bersedia untuk memikul tanggungjawab sebagai negara ahli Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Ini termasuklah memberikan "pelarian" hak yang sama rata dengan warganegara Malaysia dalam beberapa aspek seperti pendidikan dan bantuan sara hidup. Selain daripada aspek di atas, kerajaan juga khuatir sekiranya Malaysia menjadi ahli negara pihak dengan izin, "*state party*" kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967, ini akan menggalakkan lebih ramai lagi kemasukan warga asing ke negara ini memandangkan Malaysia kini merupakan salah satu destinasi utama migran di rantau ini. Untuk itu, perkara ini sedang diperhalusi oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Seperti Ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, walaupun undang-undang negara ini tidak memberi status kepada "pelarian" atau pemohon suaka, namun atas dasar kemanusiaan, Kerajaan Malaysia telah membenarkan pemegang kad UNHCR dan orang-orang tertentu yang memerlukan perlindungan untuk terus tinggal di sini sementara

menunggu untuk ditempatkan semula di negara-negara lain atau pulang semula ke negara asal mereka. Untuk itu, Kerajaan Malaysia bekerjasama dengan pihak UNHCR di Malaysia dalam memberikan bantuan serta perlindungan kepada dengan izin dewan "*persons of concern*" yang memiliki kad UNHCR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SERI DR. WAN  
AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [ PERMATANG  
PAUH ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]  
minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik permohonan menjadi  
pemilih dari 1 Januari 2016 hingga 30 September 2016 mengikut  
pecahan kaum dan negeri.**

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran baru dari 1 Januari 2016 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 181,387 orang. Walau bagaimanapun, maklumat Daftar Pemilih bagi ST 3/2016 (bulan Julai hingga September 2016) tidak dapat disediakan memandangkan daftar pemilih berkenaan masih dalam proses penyelarasan dan belum diwartakan.

Sekian, terima kasih.